



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)**

**DIKELUARKAN PADA: 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**STATUS KUALITI UDARA**

Pada 22 Oktober 2015 (Khamis), bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam **1.00 petang** menunjukkan 1 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 21 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **24 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap 'tidak sihat' dan 6 kawasan mencatatkan bacaan kualiti udara pada tahap 'sangat tidak sihat' iaitu**

1.	Seberang Jaya, PULAU PINANG	IPU 275
2.	Sungai Petani, KEDAH	IPU 268
3.	Kangar, PERLIS	IPU 255
4.	Langkawi, KEDAH	IPU 253
5.	Alor Setar, KEDAH	IPU 250
6.	USM, PULAU PINANG	IPU 238
7.	Perai, PULAU PINANG	IPU 196
8.	Pegoh, PERAK	IPU 176
9.	Manjung, PERAK	IPU 175
10.	Taiping, PERAK	IPU 159

11.	Kelang, SELANGOR	IPU 158
12.	Ipoh, PERAK	IPU 158
13.	Kuala Selangor, SELANGOR	IPU 153
14.	Sri Aman, SARAWAK	IPU 151
15.	Tanjung Malim, PERAK	IPU 133
16.	Shah Alam, SELANGOR	IPU 132
17.	Samarahan, SARAWAK	IPU 128
18.	Tanah Merah, KELANTAN	IPU 123
19.	Kuching, SARAWAK	IPU 122
20.	Kota Bahru, KELANTAN	IPU 116
21.	Banting, SELANGOR	IPU 113
22.	Kuantan, PAHANG	IPU 110
23.	Tawau, SABAH	IPU 109
24.	Petaling Jaya, SELANGOR	IPU 108
25.	Putrajaya, W. PERSEKUTUAN	IPU 108
26.	Batu Muda, W. PERSEKUTUAN	IPU 105
27.	Kuala Terengganu, TERENGGANU	IPU 105
28.	Kemaman, TERENGGANU	IPU 103
29.	Sarikei, SARAWAK	IPU 102
30.	Bukit Rambai, MELAKA	IPU 102

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play' atau 'App Store'.

**Status kualiti udara pada tahap tidak sihat di kawasan-kawasan tersebut adalah disebabkan tiupan angin dari arah Barat Daya masih berlaku yang membawa pencemaran jerebu merentas sempadan dari Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. Keadaan ini berikutan terdapatnya dua ribut tropika yang aktif di Lautan Pasifik, iaitu Ribut Tropika KOPPU dan Ribut Tropika CHAMPI yang mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita.**

### **TINJAUAN CUACA SEHINGGA 27 OKTOBER 2015 (menurut laporan Jabatan Meteorologi Malaysia)**

Pada masa sekarang, ribut tropika **KOPPU** berada pada kedudukan 19.7°U dan 121.8°T, kira-kira 1,521 km ke arah Timur Laut Kudat, Sabah, sedang bergerak ke arah Timur-Timur Laut dengan kadar perlahan. Manakala, Taufan **CHAMPI** pula yang berada pada kedudukan 22.4°U dan 140.1°T, kira-kira 2,997 km ke Timur Laut Sandakan, Sabah dan sedang bergerak ke arah Utara-Timur Laut juga dengan kadar perlahan.

Kehadiran kedua-dua sistem tropika siklon ini masih mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita untuk sepanjang tempoh tinjauan di atas. Taburan hujan dijangka berkurangan di seluruh negara disebabkan tiupan angin Barat Daya dengan kelajuan yang sederhana.

Walaupun bagaimanapun, hujan di satu dua tempat masih boleh berlaku di kawasan Utara Semenanjung, Pantai Sarawak serta bahagian Barat Sabah pada awal pagi. Manakala pada waktu petang dan senja pula, kebanyakan tempat di Semenanjung dijangka tiada hujan kecuali hujan dan ribut petir di satu dua tempat yang dijangka berlaku di Sarawak dan Sabah.

## **BILANGAN TITIK PANAS (HOTSPOT)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 21 Oktober 2015, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18* mengesan sebanyak 35 titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia manakala di Kalimantan hanya 2 titik panas (hotspot) dikesan disebabkan cerapan satelit tidak menyeluruh dan diliputi oleh awan. Di dalam negara pula tiada titik panas (hotspot) dikesan.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh *ASMC* pada 21 Oktober 2015 adalah seperti di **Rajah 1**. Berdasarkan peta tersebut, sebahagian asap jerebu tebal dan sederhana dari Sumatera Tengah dan Selatan meliputi sebahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia terutama kawasan-kawasan di utara, manakala sebahagian asap jerebu tebal dan sederhana dari Kalimantan Tengah menghala ke barat Sarawak dan timur Sabah.

## **TINDAKAN DI PERINGKAT SERANTAU**

**Operasi bantuan pemadaman kebakaran di Sumatera, Indonesia telah bermula pada 11 Oktober 2015 yang melibatkan mobilisasi pesawat ‘Bombardier CL 415’ milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi operasi pengeboman air (water bombing) di kawasan-kawasan kebakaran. Operasi bantuan pemadaman fasa pertama tersebut berakhir pada 19 Oktober 2015 dan pesawat ‘Bombardier CL 415’ beserta pasukan misi pemadaman telah kembali ke tanah air pada 20 Oktober 2015.**

YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) akan menghadiri Mesyuarat Ke-11 ‘Conference of Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution’ pada 28 Oktober 2015 di Hanoi, Viet Nam, yang merupakan mesyuarat pertama semenjak kesemua Negara anggota ASEAN meratifikasi Perjanjian. Malaysia akan terus menggesa dan berkerjasama dengan pihak Indonesia untuk mencari penyelesaian dan pencegahan jerebu merentas sempadan secara lebih berkesan.

YAB Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya, Presiden Indonesia, Joko Widodo pada 11 Oktober 2015. Kedua-dua negara antara lainnya

telah bersetuju untuk memperkukuhkan kerjasama dalam penyelesaian masalah jerebu. Ini termasuk cadangan oleh Malaysia bagi berkongsi kepakaran dalam pembinaan telaga air tanah (tube well) bagi mengawal sistem saliran di kawasan tanah gambut di Indonesia supaya tidak menjadi kering semasa musim kemarau.

Mesyuarat ke 14 Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala Malaysia-Indonesia telah diadakan pada 9 dan 10 Oktober di antara Menteri Luar Negeri Malaysia dan Menteri Luar Negeri Indonesia telah membincangkan masalah jerebu merentas sempadan yang telah memberi kesan ketara kepada penduduk Malaysia, Indonesia dan Singapura serta tindakan yang telah diambil Indonesia untuk menanganinya melalui tindakan pemadaman ke kawasan kebakaran dan tindakan tegas ke atas syarikat serta individu yang didapati menyebabkan kebakaran. Pihak Indonesia amat menghargai bantuan Malaysia dalam membekalkan pesawat untuk membantu aktiviti pemadaman di Sumatera Selatan dan menghargai sokongan Malaysia untuk Indonesia menjadi hos bagi *ASEAN Transboundary Haze Coordinating Centre* yang sedang dalam proses pembangunan.

## **TINDAKAN-TINDAKAN DI PERINGKAT TEMPATAN**

Jabatan Alam Sekitar (JAS), NRE berterusan memantau rapi bacaan IPU di seluruh negara melalui 52 stesen pengawasan kualiti udaranya. Mekanisme tindak balas (*response mechanism*) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut **Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan** di mana tindakan-tindakan telah diambil oleh agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Jerebu telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) pada 28 Ogos 2015, 18 September 2015 dan 6 Oktober 2015. Ia bertujuan memantau perkembangan terkini keadaan jerebu dan menyelaraskan tindakan-tindakan antara agensi berhubung pengurusan bencana jerebu;
- (ii) Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mempengerusikan beberapa mesyuarat berkaitan pengendalian bencana jerebu iaitu yang terbaru, Mesyuarat Penyelarasan Bantuan Kepada Kerajaan Indonesia pada 8 Oktober 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana

Pusat (JPBBP) pada 30 September 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Jerebu pada 15 September 2015;

- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan arahan penutupan semua sekolah di kawasan-kawasan dan tarikh-tarikh seperti berikut iaitu:-
- a) Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Sarawak (Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong) dan Pahang (Bentong), pada 22 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU menghampiri 200
  - b) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Perak (Kinta Utara, Kinta Selatan, Manjung, Tanjung Malim), Kedah (Kuala Muda, Yan), Johor (Muar, Ledang, Segamat), Sabah (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak) dan Sarawak (Kuching, Padawan, Bau, Lundu, Serian, Samarahan, Simunjan dan Lubok Antu, pada 21 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU menghampiri 200;
  - c) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor (Muar, Ledang, Segamat), Sabah (Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak) dan Sarawak (Kuching dan Samarahan), pada 20 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU menghampiri 200;
  - d) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah (Tawau) dan Sarawak (Kuching dan Samarahan), pada 19 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU menghampiri 200;
  - e) Seluruh Malaysia kecuali di Kelantan, Sabah, Sarawak dan Labuan pada 5 dan 6 Oktober 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 4 Oktober 2015. Semua sekolah di Pulau Langkawi, Kedah masih ditutup pada 7 Oktober 2015;

- f) WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015;
  - g) Melaka dan Johor pada 29 September 2015, manakala penutupan semua sekolah di Johor dilanjutkan sehingga 30 September 2015; dan
  - h) Bahagian Kuching, Bahagian Sri Aman dan Bahagian Samarahan, Sarawak pada 28 September 2015 berikutan bacaan IPU yang telah mencecah melebihi 200 pada 27 September 2015.
- (iv) Ketua Pengarah Alam Sekitar telah mengeluarkan Perintah Larangan Pembakaran Terbuka (PLPT) bagi seluruh negeri Johor pada 25 September 2015. Sementara itu, PLPT bagi negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dikeluarkan semenjak bulan Mac 2014 sehingga kini masih berkuatkuasa. Melalui larangan pembakaran terbuka ini, semua aktiviti pembakaran terbuka di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah dilarang sama sekali kecuali aktiviti tertentu iaitu pembakaran mayat, pembakaran bagi tujuan keagamaan, gril/barbeku dan pembakaran gas mudah terbakar (flaring); dan
- (v) Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dan Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) telah menjalankan operasi pembenihan awan dari 15 September 2015 hingga 5 Oktober 2015 sebagai tindakan untuk mengurangkan kesan jerebu. Sebanyak lima (5) operasi telah dijalankan di Semenanjung Malaysia dan sebanyak tiga (3) operasi telah dijalankan di negeri Sarawak.

## **TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA**

Berdasarkan siasatan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun ini sehingga 21 Oktober 2015, sebanyak 3,549 kes pembakaran terbuka telah dikesan di seluruh negara iaitu pembakaran terbuka melibatkan kawasan hutan (599 kes), kawasan pertanian (1205

kes), kawasan industri (21 kes), kawasan pembinaan (81 kes), tapak pelupusan sampah (97 kes), kawasan belukar (692 kes) dan lain-lain pembakaran terbuka kecil (854).

Bagi tempoh yang sama, sebanyak 227 kes pembakaran terbuka telah dikenakan tindakan kompaun dan 16 kes telah dikeluarkan Notis Arahan dan 42 kes telah dikeluarkan Surat Arahan. Selain itu, sebanyak 23 kes pembakaran terbuka telah disediakan kertas siasatan untuk diambil tindakan mahkamah.

## **NASIHAT KEPADA ORANG AWAM**

Semua pihak dinasihatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Semasa keadaan berjerebu, orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengelakkan dari berada di luar rumah, mengurangkan aktiviti riadah luar dan sekiranya perlu berada di luar hendaklah memakai penutup hidung dan mulut (mask) serta mendapatkan nasihat kesihatan dengan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di alamat <http://www.infosihat.gov.my>.


## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**22 Oktober 2015**



PETA JEREBU SERANTAU, 21 OKTOBER 2015

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



**Regional Haze Update**

Due to cloud cover, hotspot activities in Sumatra could not be fully determined. Nonetheless, parts of central and southern Sumatra remained shrouded in moderate to dense smoke haze. Some haze has also spread to the Strait of Malacca and Peninsular Malaysia. Similarly, the full extend of the hotspot activities in Kalimantan could be determined owing to partial satellite pass. However, thick smoke haze continued to engulf Kalimantan with some of the haze spreading westward to the southern parts of the South China Sea.

Updated 8:15 PM 21 Oct